

**PENGGULUNGAN YB DATO' SERI MOHAMED AZMIN ALI,
MENTERI HAL EHWAL EKONOMI
USUL KAJIAN SEPARUH PENGGAL, RANCANGAN
MALAYSIA KE-11 PADA 1 NOVEMBER 2018
– DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

Bismillahirrahmannirrahim,

Assalamualaikum Warrahmatulahi wabarakatuh dan Salam
Sejahtera,

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri dalam Malaysia mencipta lembaran baru sejarah. Kerajaan baharu menyambut suara keramat rakyat yang menuntut perubahan. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dipertanggungjawabkan untuk merancang halatuju ekonomi negara bagi jangka panjang dan sederhana. Sehubungan itu, dokumen KSP ini digubal tidak secara "*business as usual*". Kita mengemukakan anjakan bermakna dalam haluan pembangunan. Sementara menilai prestasi ekonomi dalam dua tahun pertama Rancangan Malaysia

Kesebelas, KSP memperkenalkan langkah-langkah reformasi institusi bagi tempoh 3 tahun akan datang yang akan meletakkan Malaysia di atas landasan yang kukuh sebagai sebuah negara demokratik yang dipacu oleh pertumbuhan ekonomi yang mampan. Kerajaan membuat pengubahsuaian semula (*recalibrate*) ekonomi negara berdasarkan keperluan mengimbangi konsolidasi fiskal dan pertumbuhan ekonomi.

2. Saya amat menghargai dan berterima kasih kepada seramai 112 Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Ke-11 (KSP, RMKe-11). Ini jelas membuktikan minat dan keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap dokumen penting pembangunan negara yang menggariskan keutamaan ekonomi dan memberikan penekanan baru supaya Malaysia, insya-Allah muncul kembali sebagai, “Harimau Asia”.

ISU KEDUDUKAN EKONOMI NEGARA

Tuan Yang di-Pertua,

3. **Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Tenom dan Yang Berhormat Padang Terap** meminta Kerajaan menyatakan langkah pemulihan ekonomi Negara.

4. Rancangan Malaysia adalah penting untuk memastikan sasaran pembangunan sosioekonomi tercapai ke arah sebuah negara yang maju dan inklusif. Semakan semula melalui KSP amat penting bagi menyesuaikan rancangan awal dengan keperluan dan cabaran semasa serta hala tuju Kerajaan baharu. Tempoh akhir Rancangan, 2018-2020 dianggap sebagai tempoh peralihan dan tumpuan Kerajaan ialah untuk mengimbangi objektif pengukuhan kedudukan fiskal dan penekanan kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan. Kerajaan akan memberi perhatian khusus bagi meningkatkan keyakinan pelabur terhadap prospek ekonomi yang mencipta

nilai, memacu perkembangan FDI yang dapat membuka peluang pekerjaan baru dan memindahkan teknologi berimpak tinggi untuk mencipta rantai nilai yang lebih tinggi. seterusnya akan menjana pendapatan negara.

5. Malaysia adalah sebuah negara mesra pelabur yang terus menggalakkan pelaburan daripada semua negara termasuk China. Namun demikian, pelaburan yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi akan diberi keutamaan untuk menggalakkan inovasi dan automasi, pemindahan teknologi dan mewujudkan pekerjaan mahir kepada rakyat Malaysia.

6. Kerajaan turut memberi tumpuan bagi menangani ketidaksamaan pertumbuhan ekonomi antara wilayah, pembahagian pendapatan tidak serata antara pekerja dan pemilik modal, jurang antara kumpulan pendapatan 40 peratus terendah atau B40, kadar pengangguran belia yang tinggi dan peningkatan kos sara hidup.

7. Saya ingin memberikan pencerahan terhadap perbincangan **Yang Berhormat Pekan, Yang Berhormat Kuala Krau dan Yang Berhormat Jerantut.**

8. **Yang Berhormat Pekan** menasaskan belanjawan berimbang pada 2020 berdasarkan angka-angka yang tidak realistik. Antara faktor yang menyumbang adalah perbelanjaan *off-budget*. Hutang dan tanggungan Kerajaan adalah jauh lebih tinggi daripada yang dilaporkan. Kerajaan terdahulu gagal melangsaikan tunggakan rebat GST dan tunggakan bayaran balik cukai oleh LHDN yang melebihi RM30 bilion.

9. Hutang dan tanggungan kewangan Kerajaan bawah pentadbiran **Yang Berhormat Pekan**, telah mencecah 80.3 peratus kepada KDNK. Menjelang tahun 2020, hutang Kerajaan Persekutuan akan dipastikan berada pada tahap lebih bertanggungjawab serta pengurusan perbelanjaan yang lebih berkesan dengan berpegang kepada prinsip *value for money*.

10. Reformasi fiskal dan tadbir urus adalah penting untuk mengukuhkan lagi kedudukan kewangan Kerajaan. Tonggak utama dalam KSP adalah mengenai mereformasi tadbir urus ke arah meningkatkan ketelusan dan kecekapan perkhidmatan awam yang mana mekanisme semak dan imbang akan diperkukuh, sistem belanjawan dan pengurusan perolehan ditambah baik, agenda pencegahan rasuah diperkukuh dan institusi sektor awam direformasi.

11. Kerajaan yakin ekonomi negara mampu berkembang pada kadar antara 4.5 hingga 5.5 peratus setahun dalam tempoh akhir Rancangan Malaysia berdasarkan asas-asas ekonomi yang lebih kukuh.

12. **Yang Berhormat Rompin, Yang Berhormat Ayer Hitam dan Yang Berhormat Pasir Salak** membangkitkan strategi untuk mendepani cabaran perang dagangan (*trade war*) antara Amerika Syarikat dengan China dan langkah melindungi

ekonomi negara dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu serta saingan untuk menarik pelabur.

13. Perkembangan *trade war* antara Amerika Syarikat dan China sentiasa dalam pemantauan dan pemerhatian Kerajaan memandangkan Malaysia mempunyai hubungan perdagangan yang signifikan dengan kedua-dua negara tersebut. Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2018, bahagian perdagangan Malaysia dengan kedua-dua negara adalah satu perempat daripada jumlah perdagangan Malaysia, iaitu masing-masing sebanyak 8.2 peratus dan 16.8 peratus. Sebagai sebuah ekonomi yang bersaiz kecil tetapi amat terbuka, perang dagangan ini dijangka memberikan impak sekiranya berpanjangan.

14. KSP menggariskan strategi utama dengan mengambil kira perkembangan luaran ini, antaranya mengukuhkan eksport dan mengurus import bagi memastikan imbalan pembayaran kekal dalam lebihan. Strategi mempertingkatkan ketersediaan

eksport dan menambah baik kepatuhan piawaian pasaran antarabangsa pula dijangka akan terus meningkatkan keupayaan eksport negara.

15. Dalam suasana *trade war* antara Amerika Syarikat dan China ini, Kerajaan mengambil langkah pro aktif untuk meningkatkan perdagangan dengan negara anggota ASEAN, khususnya hubungan ekonomi dan perdagangan melalui wahana kerjasama sub-regional seperti Segitiga Pertumbuhan Indonesia Malaysia Thailand (IMTGT) dan Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur (BIMPT-EAGA). Kita yakin langkah memperkukuh kerjasama ini akan tambah menjana pertumbuhan ekonomi, seterusnya "*turn crisis into opportunities*".

16. Sektor swasta akan kekal sebagai peneraju pertumbuhan dan Kerajaan memainkan peranan yang lebih aktif dalam menggalakkan lebih banyak pelaburan. Di samping itu, Kerajaan akan terus menyediakan infrastruktur dan

membangunkan pemboleh pertumbuhan (*enablers*) termasuk penyelidikan dan pembangunan.

17. Dalam usaha untuk menarik pelaburan swasta termasuk pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan langsung domestik (DDI), tumpuan akan diberi kepada pelaburan berkualiti dengan menumpukan kepada kajian semula yang menyeluruh ke atas dasar pelaburan. Ini meliputi semakan semula insentif dan struktur cukai, menambah baik pengurusan semua insentif pelaburan sedia ada bagi mengoptimum sumber serta menggalakkan pelaburan dalam teknologi berkaitan Industri 4.0.

18. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 31 Oktober 2018 telahpun melancarkan Dasar Negara Mengenai Industri 4.0 sebagai panduan strategik bagi membolehkan sektor pembuatan beralih dan mempercepat penerimgunaan teknologi berkaitan Industri 4.0, seterusnya menyumbang kepada komitmen Malaysia kepada *Sustainable Development*

Goals (SDGs). Industri 4.0 ini dapat membuka potensi pertumbuhan yang tidak terhingga. Di peringkat global sektor pembuatan membuka ruang kepada penggunaan teknologi yang lebih intensif yang menjadi penentu kepada *efficiency* dan kepantasan untuk menjadi daya saing yang mampan.

19. Selain itu, penekanan juga akan diberi untuk meningkatkan keupayaan eksport perusahaan kecil dan sederhana tempatan bagi meneroka pasaran serantau baharu dan melaksanakan strategi penggalakan eksport baharu. Melalui semua dasar yang dirangka ini, daya saing negara dijangka akan dapat dipertingkatkan dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan. Di Malaysia, terdapat keperluan mendesak kepada sektor pembuatan untuk beranjak kepada proses nilai tambah lebih tinggi, *advanced manufacturing technologies* dan penggunaan sumber yang lebih *efficient* untuk menjana daya saing.

20. **Yang Berhormat Kangar** menyuarakan isu kebergantungan kepada hasil minyak yang terdedah kepada ketidaktentuan harga pasaran global.

21. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh dua tahun pertama RMKe-11, pendapatan Kerajaan daripada hasil berkaitan sumber minyak (cukai pendapatan petroleum sebanyak RM20.2 bilion, eksport duti petroleum sebanyak RM1.6 bilion, royalti petroleum sebanyak RM7.5 bilion, dividen PETRONAS sebanyak RM32 bilion, pendapatan daripada kawasan pembangunan bersama Malaysia-Thailand sebanyak RM3.7 bilion dan lain-lain pendapatan sebanyak RM1.5 bilion) adalah sebanyak RM66.5 bilion atau 15.4 peratus daripada jumlah hasil Kerajaan, berbanding paras tertinggi yang pernah disumbangkan oleh PETRONAS dan daripada sumber-sumber lain sebanyak 41 peratus pada tahun 2009. Kerajaan sedar bahawa kebergantungan kepada hasil daripada sumber minyak adalah tidak mampan berikutan harga minyak yang tidak

menentu (harga Brent: AS\$73.86 setong pada 31 Oktober 2018).

22. Kerajaan akan terus mempelbagaikan sumber hasil, termasuk menutup ruang ketirisan, membanteras amalan rasuah, melaksanakan tender terbuka dan menjamin prinsip *value-for-money* serta langkah-langkah penjimatan perbelanjaan kerajaan.

23. **Yang Berhormat Batu Gajah** dan **Yang Berhormat Kepala Batas** membangkitkan isu mengenai jurang pendapatan yang semakin melebar di antara kumpulan B40 dan T20. Tidak dapat dinafikan kewujudan ketidaksamarataan pendapatan antara kumpulan pendapatan. Walaupun jurang pendapatan nasional semakin mengecil seperti yang ditunjukkan oleh pekali Gini nasional iaitu daripada 0.401 pada tahun 2014 kepada 0.399 pada tahun 2016, namun nisbah jurang pendapatan purata isi rumah antara kumpulan B40 dan T20 masih besar sebanyak 5.6 kali. Oleh itu, Kerajaan akan

melaksanakan beberapa inisiatif bagi meningkatkan pendapatan dan kuasa beli isi rumah B40 serta mengurangkan ketidaksamarataan sosioekonomi. Inisiatif tersebut bertujuan untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan isi rumah supaya dapat meningkatkan peluang mendapatkan pekerjaan, menggalakkan keusahawanan dan meningkatkan produktiviti. Di samping itu, langkah untuk meningkatkan sistem perlindungan sosial akan dilaksanakan bagi memastikan kualiti hidup golongan ini tidak terjejas dalam menghadapi ketidaktentuan sosioekonomi.

24. **Yang Berhormat Batu Gajah** membangkitkan isu mengenai *shared prosperity* dan kadar inflasi. Kerajaan tidak lagi melihat pembangunan mengikut ukuran pertumbuhan ekonomi atau keluaran dalam negeri kasar (KDNK) semata-mata, Kerajaan mengambil pendekatan melihat pembangunan dari aspek peningkatan kuasa beli rakyat dan pembangunan tersebut perlulah dinikmati oleh semua lapisan rakyat ataupun *shared prosperity*. Isu dan cabaran seperti pampasan pekerja

yang rendah, ketidaksamaan pendapatan isi rumah dan ketidakseimbangan pertumbuhan antara negeri merupakan antara tumpuan utama dalam KSP.

25. Kerajaan akan terus memperkukuhkan hak pekerja melalui kajian semula undang-undang perburuhan dan memberi kuasa rundingan yang tinggi kepada pihak pekerja. Selain itu, pampasan pekerja akan ditambah baik melalui pelaksanaan secara menyeluruh insurans pekerjaan demi mengukuhkan sistem perlindungan sosial untuk pekerja. Melalui langkah-langkah ini, Kerajaan yakin lebih banyak hasil pertumbuhan ekonomi dapat dinikmati oleh pihak pekerja.

26. Seterusnya, jurang pembangunan yang masih wujud antara negeri akan dikurangkan dengan memberi penekanan yang lebih besar kepada negeri yang masih memerlukan sokongan pembangunan, terutamanya Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis. Ini bagi memastikan pertumbuhan wilayah yang lebih seimbang dan seterusnya

membentuk negara Malaysia yang dinamik dan progresif. Strategi ini akan dilaksanakan melalui kepelbagaian aktiviti ekonomi dan pembangunan projek berimpak tinggi serta meningkatkan kerjasama di antara negeri.

27. Kadar inflasi adalah terkawal. Kadar inflasi yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat sebanyak 1.2 peratus bagi tempoh Januari-September 2018, iaitu lebih rendah berbanding 3.9 peratus pada tempoh yang sama tahun 2017. Adalah dijangka bahawa trend ini akan berkekalan sehingga penghujung tahun 2018.

28. Antara langkah bagi mengawal inflasi termasuk menggalakkan kuasa konsumerisme yang lebih baik, meningkatkan penguatkuasaan peraturan kawalan harga dan menyediakan lebih banyak outlet yang menawarkan barangan dan perkhidmatan pada harga yang mampu dibayar dan berdaya saing kepada rakyat.

29. **Yang Berhormat Jeli** mencadangkan agar beberapa petunjuk baharu dikenal pasti bagi mengukur pembangunan sebenar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam KSP, Kerajaan terus memberi penekanan terhadap pelaksanaan pembangunan yang bersifat inklusif bagi meningkatkan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat supaya manfaat daripada pertumbuhan ekonomi dapat dirasakan oleh segenap lapisan masyarakat.

30. Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia telah digunakan sebagai petunjuk di peringkat nasional bagi mengukur impak pelbagai dasar sosioekonomi berdasarkan 68 indikator dalam 14 komponen utama, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 8 di lampiran dokumen KSP. Antaranya adalah komponen Keluarga, Alam Sekitar, Kesihatan, Keselamatan Awam dan Perumahan. Sebagai contoh, dalam komponen Keluarga, indikator yang diambil kira antara lain pendapatan bulanan purata isi rumah dan hutang isi rumah per kapita di mana

secara agregatnya masing-masing telah meningkat sebanyak 6.4 peratus dan 10.4 peratus setahun bagi tempoh 2000-2016.

KEMISKINAN DAN JURANG PENDAPATAN

Pengukuran Kemiskinan

Tuan Yang di-Pertua

31. Saya ingin beralih kepada isu kemiskinan. **Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Petaling Jaya dan Yang Berhormat Klang** mencadangkan agar Kerajaan mengguna pakai konsep kemiskinan relatif dan Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI).

32. Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Tonggak Kedua KSP RMKe11, pendekatan pembangunan inklusif bagi kesejahteraan rakyat bukan sahaja mengguna pakai konsep pengukuran mutlak yang mengguna pakai Pendapatan Garis

Kemiskinan (PGK), tetapi juga mengguna pakai konsep kemiskinan relatif dan konsep kemiskinan pelbagai dimensi untuk memperkemas dan melengkapkan kaedah mengenal pasti kumpulan sasar berdasarkan kepada keperluan spesifik mereka. Menyedari bahawa setiap kaedah mempunyai keterbatasan tertentu, Kerajaan akan mengguna pakai kaedah-kaedah yang lebih mewakili keadaan sebenar bagi memperkemas pengukuran kemiskinan.

33. KSP memperincikan dasar dan strategi khusus bukan sahaja bagi menangani keperluan kumpulan miskin (berdasarkan PGK) dan berpendapatan rendah (pengukuran relatif), tetapi juga sebahagian daripada kumpulan isi rumah berpendapatan menengah rendah yang tergolong dalam kelompok isi rumah B40 (pengukuran relatif).

34. Di samping itu, Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) telah dibangunkan untuk memperlengkapkan lagi usaha Kerajaan dalam menangani isu kemiskinan yang melangkaui

dimensi pendapatan termasuk dimensi pendidikan, kesihatan dan taraf hidup. Pendekatan ini diguna pakai bagi menangani keperluan hidup isi rumah di bandar dan juga di luar bandar.

35. Yang Berhormat Ayer Hitam, Yang Berhormat Petaling Jaya dan Yang Berhormat Batu membangkitkan mengenai nilai PGK yang disifatkan tidak mencerminkan kos sara hidup semasa rakyat. Isu yang dibangkitkan ini ada kaitan dengan apa yang saya telah perelaskan sebentar tadi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, konsep pengukuran kemiskinan mutlak berasaskan PGK dan kos sara hidup adalah dua perkara yang berbeza, di mana PGK adalah berasaskan konsep pengukuran mutlak iaitu merujuk kepada jumlah pendapatan minima yang diperlukan oleh isi rumah untuk kekal sihat dan aktif. Nilai PGK ini dikemaskini berdasarkan kepada pergerakan indeks harga barangan-barangan dalam bakul PGK. Sementara itu, kos sara hidup pula mencerminkan satu konsep relatif mengenai kualiti hidup pelbagai dimensi. Kedua-dua konsep ini telah pun diambil kira di bawah Tonggak Kedua

KSP seperti yang saya perelaskan khususnya bagi memperkukuh pembangunan inklusif dan kesejahteraan rakyat.

Definisi Isi Rumah B40, M40 dan T20 serta Program untuk

Isi Rumah M40

Tuan Yang Dipertua,

36. **Ahli Yang Berhormat Jelebu** mencadangkan supaya Kerajaan menaikkan had pendapatan bulanan bagi isi rumah B40, M40 dan T20, masing-masing kepada RM4,000, RM8,000 dan RM15,000. Untuk makluman Yang Berhormat, had pendapatan bulanan bagi ketiga-tiga kumpulan isi rumah ini adalah ditetapkan berasaskan kepada hasil Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (PPIR) yang dijalankan dua kali dalam tempoh lima tahun. Justeru, berdasarkan kepada PPIR 2016, had pendapatan bulanan bagi isi rumah B40 adalah di bawah RM4,360, manakala bagi isi rumah M40 adalah antara RM4,361 hingga RM9,619. Bagi isi

rumah T20 pula, had pendapatan bulanan adalah RM9,620 dan ke atas.

37. Merujuk kepada soalan berhubung bantuan yang diberikan kepada isi rumah M40, Kerajaan berpendirian bahawa sebarang jenis bantuan yang ingin diberikan seharusnya dibuat berdasarkan prinsip keperluan (*need-based*). Kumpulan isi rumah M40 turut menikmati kemudahan dan bantuan Kerajaan yang antaranya berupa potongan cukai pendapatan, skim perumahan harga patut, kemudahan kesihatan awam, skim pembiayaan perniagaan, kemasukan ke sekolah berasrama penuh serta pinjaman dan biasiswa pendidikan.

Mengupayakan Orang Asli di Semenanjung Malaysia, Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak

Tuan Yang Dipertua,

38. **Ahli Yang Berhormat Setiawangsa** menyentuh mengenai bantuan untuk memperkasa dan mengupayakan kumpulan minoriti iaitu Orang Asli di Semenanjung Malaysia serta anak negeri Sabah dan Sarawak. **Yang Berhormat Jeli** melontarkan persoalan mengenai usaha untuk mengatasi masalah keciciran pelajar dalam kalangan Orang Asli.

39. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan mempergiat pelbagai program untuk meningkatkan tahap pendidikan dan kemahiran di kalangan komuniti Orang Asli serta Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak khususnya bagi yang tinggal di luar bandar dan pedalaman. Ini termasuk pengambilan pelajar berpotensi untuk kemasukan ke sekolah berprestasi tinggi. Keutamaan juga akan diberi kepada mereka

bagi pengambilan ke institusi latihan kemahiran seperti Kolej Kemahiran Tinggi MARA dan Institut Kemahiran MARA.

40. Sekolah K9 akan terus diperluas bagi meningkatkan kemasukan pelajar khususnya di kalangan Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan mereka yang tinggal di luar bandar dan pedalaman Sabah dan Sarawak. Sementara itu, program keusahawanan akan memberi fokus kepada pemupukan kemahiran keusahawanan. Program ini direka bentuk berdasarkan bakat intrinsik kumpulan sasar dan akan dilengkapi dengan bantuan seperti kemudahan pembiayaan serta pembungkusan dan pemasaran produk.

41. Di samping itu, proses pengukuran dan pemetaan bagi menentukan sempadan tanah hak adat akan dipercepat bagi memastikan pemilikan tanah kepada Orang Asli, Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak dibuat melalui proses yang adil dan telus. Langkah ini akan membolehkan tanah tersebut dibangunkan untuk aktiviti ekonomi dengan bantuan daripada agensi berkaitan.

Meningkatkan Pendapatan dan Kuasa Beli Isi Rumah B40
serta Mengurangkan Jurang Pendapatan

Tuan Yang Dipertua,

42. Ahli Yang Berhormat Puncak Borneo dan Ahli Yang Berhormat Beluran menanyakan berkenaan inisiatif Kerajaan untuk meningkatkan pendapatan isi rumah B40, termasuk usaha membasmi kemiskinan. **Yang Berhormat Port Dickson** turut membahaskan mengenai usaha menangani miskin bandar dan **Yang Berhormat Pasir Mas** ingin mengetahui berhubung langkah-langkah untuk mengurangkan ketidakseimbangan dan jurang pendapatan.

43. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan komited bagi meningkatkan pendapatan dan kuasa beli kumpulan isi rumah B40 termasuk isi rumah miskin, serta merapatkan jurang pendapatan. Untuk maklumat lanjut, Ahli-ahli Yang Berhormat boleh merujuk kepada muka surat 11-2 sehingga 11-26 buku

KSP mengenai keutamaan dan penekanan baharu dalam memperkukuh pembangunan inklusif dan kesejahteraan rakyat.

BUMIPUTERA

Jurang Ekonomi Bumiputera dan Etnik Lain

Tuan Yang di-Pertua,

44. **Yang Berhormat Kuala Kangsar** prihatin tentang masa ekonomi Bumiputera. Untuk makluman Yang Berhormat, Kesejahteraan rakyat akan terus menjadi keutamaan melalui amalan prinsip *shared prosperity*. Keutamaan ini adalah bagi mendukung dasar pembangunan inklusif sekaligus menghapuskan jurang ketidakseimbangan sosioekonomi antara etnik. Pada masa yang sama, Agenda Bumiputera akan terus menjadi sebahagian daripada agenda nasional yang penting untuk memastikan inklusiviti dan keadilan sosial.

45. Penekanan dan keutamaan baharu dalam KSP adalah berdasarkan keperluan (*needs-based*) yang mencakupi pelbagai dimensi. Dalam hal ini, Tonggak 2 memberi penekanan khusus kepada strategi Memperkasa Komuniti Ekonomi Bumiputera (KEB).

46. Strategi ini menjadi teras perbincangan dalam resolusi Kongres Masa Depan Bumiputera dan Negara 2018. Saya mencadangkan supaya Yang Berhormat dapat merujuk muka surat 11-13, Dokumen KSP RMK-11 yang mencerakinkan inisiatif-inisiatif bagi memperkasakan KEB.

Dasar Ekonomi Baru

47. **Yang Berhormat Selayang** mempersoalkan justifikasi untuk meneruskan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, DEB yang memberi penekanan kepada agenda serampang dua mata iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun

semula masyarakat bagi merapatkan jurang ekonomi. Semangat DEB diteruskan di bawah dasar-dasar selepasnya, iaitu Dasar Pembangunan Nasional (DPN), Dasar Wawasan Negara (DWN) dan Model Ekonomi Baru (MEB) dalam usaha ke arah mencapai matlamat kesaksamaan sosio-ekonomi dan perpaduan negara.

48. Kerajaan melihat bahawa pelaksanaan dasar dan semangat DEB masih relevan malah akan terus diperkasakan melalui dasar-dasar baharu yang lebih strategik bersesuaian dengan keperluan semasa.

49. Sebagai Kerajaan yang peduli rakyat, pengagihan ekonomi mestilah dilakukan secara adil kepada semua rakyat mengikut keperluan masing-masing. Dalam langkah Kerajaan untuk meneliti semula dasar-dasar utama negara, pembangunan sosioekonomi orang Melayu dan Bumiputera akan tetap menjadi agenda penting tanpa meminggir kaum-kaum lain di negara ini. Dalam hal ini, tindakan afirmatif akan

diteruskan khususnya untuk membangunkan potensi Bumiputera bagi meningkatkan penyertaan mereka dalam ekonomi negara dan seterusnya mencapai matlamat pengagihan kekayaan yang lebih saksama.

JURANG PEMBANGUNAN ANTARA WILAYAH: SABAH DAN SARAWAK

Tuan Yang di-Pertua

50. **Ahli Yang Berhormat Sibulungan, Ahli Yang Berhormat Kalabakan dan Ahli Yang Berhormat Sibuti** membangkitkan isu jurang pembangunan wilayah yang amat ketara, termasuk jurang pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar. Saya ingin mengajak dan menyeru Ahli-Ahli Yang Berhormat, untuk menghayati dasar-dasar baharu yang terkandung dalam KSP berhubung komitmen Kerajaan Persekutuan dalam menjamin pembangunan yang saksama.

51. YAB Perdana Menteri telah memberi jaminan bahawa Kerajaan tidak akan membiarkan mana-mana negeri tertinggal dalam arus pembangunan negara. Usaha untuk mengurangkan ketidakseimbangan antara wilayah dan negeri ini adalah sepertimana dinyatakan dalam Tonggak 3, muka surat 12-20 hingga 12-24.

52. KSP telah mengenalpasti beberapa projek bagi mencapai pembangunan wilayah yang seimbang. Antaranya, projek Kelompok Industri Berasaskan Kelapa Sawit (Palm Oil Industrial Cluster) di Sandakan dan Lahad Datu di Sabah. Manakala bagi Sarawak, antara projek yang akan dilaksanakan adalah Taman Perindustrian Samalaju, Hab Halal Tanjung Manis serta Program Perumahan Rakyat Seduan di Sibuan, Sabah.

53. Peranan agensi pembangunan di Sarawak, iaitu *Highland Development Agency*, *Upper Rajang Development Agency* dan *Northern Region Development Agency* akan diperkukuh bagi

memanfaatkan potensi pertumbuhan dan melonjakkan transformasi luar bandar di Baram (termasuk Marudi, Mulu, Bario, Telang Usan dan Long Lama) di kawasan *highland* Sarawak, Bahagian Kapit dan Daerah Kanowit di *Upper Rajang* serta Bahagian Limbang di utara Sarawak. Tumpuan pembangunan di kawasan ini adalah untuk menambah baik infrastruktur termasuk jalan, air dan ketersambungan jalur lebar.

Tuan Yang di-Pertua,

54. **Ahli Yang Berhormat Tuaran** membangkitkan status pelaksanaan projek menaik taraf Pelabuhan Sepanggar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga bulan November 2018, kajian tanah, kerja ukur tanah dan Kajian Impak Alam Sekitar telah siap dilaksana. Kementerian telah mengesyorkan untuk diperakukan pelaksanaan Projek Pembesaran Pelabuhan Kontena Sapangar Bay.

JURANG PEMBANGUNAN ANTARA WILAYAH: SEMENANJUNG

Tuan Yang di-Pertua,

55. Ahli Yang Berhormat Kuala Terengganu, Ahli Yang Berhormat Bagan Serai dan Ahli Yang Berhormat Kemaman membangkitkan isu jurang pembangunan di wilayah Pantai Timur. Beberapa inisiatif untuk mengurangkan jurang pembangunan di negeri-negeri Pantai Timur telah dikenalpasti seperti dinyatakan dalam Tonggak 3, muka surat 12-6 hingga 12-16. Antara beberapa program dan projek yang dikenal pasti adalah projek Lebuhraya Kota Bharu ke Kuala Krai di Kelantan, projek Pembinaan Hospital Dungun di Terengganu dan Program Perumahan Rakyat Pelangai, Bentong di Pahang.

Tuan Yang di-Pertua,

56. Yang Berhormat Kangar prihatin tentang keperluan pelaburan di negeri Perlis yang termasuk dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara.

57. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang dilaporkan dalam KSP RMKe-11, kelima-lima koridor ekonomi wilayah iaitu Iskandar Malaysia, Wilayah Ekonomi Pantai Timur, Wilayah Ekonomi Koridor Utara, Koridor Pembangunan Sabah dan Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak telah mencapai pelaburan yang direalisasi sebanyak 45.4 peratus secara keseluruhannya bagi tempoh dua (2) tahun pertama pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas.. Pencapaian prestasi semasa iaitu sehingga penggal kedua tahun 2018, kelima-lima koridor ekonomi wilayah ini telah berjaya memperoleh pelaburan berjumlah RM130.1 bilion dan mewujudkan 198,609 peluang pekerjaan. Ini adalah bersamaan dengan 55.1 peratus daripada sasaran RM236 bilion pelaburan direalisasi dan 42.3 peratus daripada sasaran 470,000 peluang pekerjaan yang akan diwujudkan di koridor ekonomi wilayah pada tahun 2020.

58. Bagi negeri Perlis, tiga (3) projek utama berimpak tinggi yang sedang dilaksanakan di bawah Koridor Utara adalah

projek Kemudahan Infrastruktur di Kawasan Pembangunan Lembah Chuping (CVIA), projek Kemudahan Infrastruktur Perlis Inland Port (PIP) dan projek Menaiktaraf Terminal Padang Besar.

59. Projek CVIA dilaksanakan secara berfasa dengan Fasa 1 iaitu *Integrated Business Centre* (IBC) kini sedang dalam proses pembinaan dan dijangka siap pada akhir November 2018. Bagi pelaksanaan fasa - fasa lain di CVIA, memandangkan fasa-fasa tersebut masih lagi belum dikeluarkan Surat Setuju Terima (SST), maka pelaksanaannya telah ditangguhkan bagi tahun 2018. Walau bagaimanapun, Kementerian telah memperaku projek ini untuk diteruskan pelaksanaan pada tahun 2019.

60. Projek Menaiktaraf Terminal Padang Besar dijangka siap pada bulan Februari 2019 manakala projek PIP masih lagi di peringkat kerja-kerja awalan.

Tuan Yang di-Pertua,

61. **Ahli Yang Berhormat Jeli** membangkitkan mengenai kepentingan projek Rubber City kepada pembangunan Wilayah Utara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembangunan Kedah Rubber City telah ditangguhkan pada tahun 2018 memandangkan projek ini masih lagi di peringkat kerja-kerja awalan.

62. Projek ini telah mendapat persetujuan daripada Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 28 Ogos 2018. Permohonan Kebenaran Merancang (KM) bagi pelaksanaan fizikal projek ini telah dikemukakan kepada Majlis Daerah Padang Terap pada 25 Oktober 2018.

63. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menyedari akan kepentingan projek KRC dalam memastikan pembangunan yang seimbang di antara negeri dan wilayah serta membantu mempercepat pembangunan sosioekonomi negeri Kedah,

terutamanya dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan, Kementerian telah memperaku projek KRC ini untuk diteruskan pelaksanaannya pada tahun 2019.

64. Untuk makluman **Ahli Yang Berhormat Tanjong**, di bawah Rangka Tindakan Pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) 2016-2025 (*Blueprint 2.0*), Pembangunan Kawasan Batu Kawan di Pulau Pinang telah dikenalpasti sebagai antara tujuh nod pertumbuhan (*growth nodes*) yang akan dibangunkan oleh Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA). Selain itu, pelaksanaan projek pembangunan di negeri yang kurang membangun seperti Kedah dan Perlis akan turut memberi manfaat secara langsung kepada Pulau Pinang sebagai hab logistik di Wilayah Utara melalui aktiviti pengeksportan.

65. Kerajaan telah bersetuju supaya Kajian Pelan Induk Daya Saing Bandar (CCMP) akan turut dilaksana bagi Bandaraya Georgetown. Kajian CCMP ini adalah penting bagi menambah

baik potensi bandar utama ini bagi merancakkan pertumbuhan ekonomi wilayah terutama dalam menarik pelaburan dan bakat. Kerajaan juga akan membangunkan tiga Pusat Transformasi Bandar (UTC) dengan satu daripadanya di Pulau Pinang.

Tuan Yang Di-Pertua,

66. **Ahli Yang Berhormat Alor Setar** membangkitkan isu pembangunan di negeri Kedah memandangkan sebahagian besar tanah di Kedah sudah dikategorikan sebagai tanah pertanian. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, negeri Kedah mempunyai potensi besar dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Mesyuarat MPFN pada 28 Ogos 2018 telah bersetuju bahawa dengan Pembangunan Kedah Rubber City dan Bandar Bebas Cukai Bukit Kayu Hitam. Selain itu, tumpuan juga diberikan kepada penyediaan peluang perniagaan dan pekerjaan terpilih melalui zon promosi pembangunan (ZPP) Alor Setar - Jitra di Kedah.

67. Usaha pemodenan sektor pertanian termasuk penumpuan kepada tanah jelapang padi akan diteruskan melalui reformasi subsektor agromakanan serta memperkukuhkan subsektor komoditi industri ke arah mencapai pertumbuhan sebanyak 2% bagi tempoh 2018-2020. Di samping itu, pelaksanaan inisiatif dalam mempertingkatkan penerimgunaan teknologi akan dipergiat bagi memodenkan sektor pertanian.

Tuan Yang di-Pertua,

68. Di bawah Rangka Tindakan Pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), pembangunan Kedah Rubber City dan Kedah Science and Technology Park (KSTP) merupakan dua daripada tujuh nod pertumbuhan (*growth nodes*) yang akan memberi manfaat secara langsung kepada pembangunan di negeri Kedah terutama dalam menarik pelaburan serta mewujudkan peluang pekerjaan dan keusahawan kepada penduduk setempat.

PEMBERIAN ROYALTI MINYAK

69. Seterusnya saya beralih kepada isu royalti petroleum yang dibangkitkan oleh **Yang Berhormat Sibul, Yang Berhormat Kuala Terengganu dan Yang Berhormat Rantau Panjang.**

70. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat semua sedia maklum, PETRONAS adalah sebuah syarikat minyak milik negara (*national oil company*) dan bukannya *public listed company*. Akta Pembangunan Petroleum 1974 (PDA 1974) merupakan undang-undang yang diguna pakai dan dikuatkuasakan pada masa ini bagi tujuan cari gali petroleum di seluruh Malaysia. PETRONAS diberikan hak milik eksklusif sumber petroleum negara dan diamanahkan untuk mengurus dan memajukan sumber petroleum negara termasuk mengeksplorasi, mengeksploit, mendapatkan dan memperoleh petroleum di seluruh Malaysia. Sebagaimana termaktub dalam PDA 1974, sebagai balasan, PETRONAS akan memberikan bayaran tunai

(*cash payment*) atau royalti kepada negeri-negeri pengeluar minyak dan gas berkenaan.

71. Pada masa ini, PETRONAS perlu membayar sebanyak 10 peratus daripada jumlah hasil pengeluaran kasar minyak dan gas (*gross production*) secara bayaran tunai (*cash payment*) atau royalti kepada Kerajaan. Daripada jumlah ini dan bergantung kepada di mana hasil tersebut dikeluarkan, sejumlah 5 peratus akan diterima masing-masing oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri-negeri berkaitan. Dalam hal ini, PETRONAS lazimnya membuat pembayaran 2 kali setahun kepada Kerajaan iaitu dalam bulan Februari dan Ogos.

72. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bayaran tunai sejumlah 10 peratus adalah merupakan nilai kasar setong (*gross value per barrel*) pada harga pasaran dan merupakan bayaran yang dibuat tanpa perlu mengambil kira sama ada pengeluaran minyak dan gas daripada lapangan tersebut menguntungkan ataupun tidak.

73. Mengikut keadaan semasa, daripada nilai setong berkeenaan, sejumlah 70 peratus daripada hasil pengeluaran kasar minyak dan gas merupakan kos pembiayaan pengeluaran (*cost recovery*) – kos explorasi, kos pembangunan pelantar dan kos operasi, yang perlu dibiayai. Kos tersebut telah mengalami peningkatan yang signifikan daripada tahun ke tahun disebabkan oleh kerumitan (*complexity*) dan risiko yang semakin tinggi dalam proses mencarigali minyak dan gas di lautan. Bagi pengeluaran yang melibatkan lapangan laut dalam (*deepwater*), kos ini boleh mencecah sehingga 80 peratus daripada jumlah hasil pengeluaran kasar (*gross production*).

74. Selepas ditolak royalti sebanyak 10 peratus dan kos pengeluaran sekitar 70 peratus, baki sekitar 20 peratus lagi adalah keuntungan yang akan dikenakan cukai. PETRONAS dan pengusaha lain perlu membayar Cukai Pendapatan Petroliaam atau *Petroleum Income Tax Act* (PITA). Untuk makluman, pada masa ini, PITA yang dikenakan adalah pada

kadar 38 peratus daripada keuntungan kasar minyak dan gas (*gross profit*). Berdasarkan anggaran keuntungan 20 peratus, jumlah PITA yang perlu dibayar adalah dianggarkan sebanyak 8 peratus daripada jumlah hasil pengeluaran kasar.

75. Baki selebihnya iaitu sebanyak 12 peratus dari jumlah hasil pengeluaran kasar minyak dan gas ini merupakan keuntungan yang akan dikongsi bersama antara PETRONAS dan pengusaha-pengusaha lain berdasarkan perjanjian yang dimeterai bagi sesebuah kontrak pengeluaran yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua,

76. Kerajaan telahpun menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet yang dianggotai oleh wakil-wakil daripada Semenanjung, Sabah dan Sarawak yang mempunyai kepakaran dalam hal-hal berkaitan bertujuan untuk menyemak, mengkaji dan menambahbaik secara adil Perjanjian Malaysia 1963, menyemak dan membuat pengesyoran kepada Kerajaan

berhubung pelaksanaan hak-hak dan autonomi Sabah dan Sarawak selaras dengan peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perjanjian Malaysia 1963.

77. Tumpuan utama Jawatankuasa Khas Kabinet adalah kepada pelaksanaan perkara-perkara yang terkandung dalam manifesto Pakatan Harapan serta perkara-perkara berbangkit seperti bayaran tunai atau royalti minyak dan sebagainya yang akan dibincangkan secara berperingkat.

78. Saya juga ingin menyambut baik hasrat Kerajaan Negeri Kelantan untuk menarik balik saman yang dikemukakan terhadap PETRONAS dan Kerajaan Persekutuan berhubung tuntutan bayaran tunai (cash payment). Saya yakin tindakan ini akan mewujudkan suasana yang lebih kondusif dalam rundingan dan perbincangan mengenai royalti minyak supaya memberi keputusan menang-menang (win-win) bagi pengagihan yang lebih adil ini.

Tuan Yang di-Pertua,

79. Untuk makluman **Yang Berhormat Pengkalan Chepa** selain bayaran tunai daripada hasil petroleum (royalti minyak), Kerajaan komited untuk menyalurkan peruntukan pembangunan secara adil dan saksama kepada semua negeri termasuk negeri-negeri yang diperintah oleh pembangkang. Perkara yang dibangkitkan oleh **Yang Berhormat Kemaman** mengenai peruntukan pembangunan dan peningkatan infrastruktur yang adil untuk dimanfaatkan kepada rakyat.

80. Untuk makluman **Yang Berhormat Sibuti**, PETRONAS sedia membantu dan bekerjasama dengan Kerajaan Sarawak dan agensi-agensinya yang berkaitan untuk melihat isu telaga minyak yang telah ditinggalkan (*legacy wells*).

PROJEK PEMBANGUNAN MELIBATKAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua,

81. Saya mengambil maklum mengenai perbahasan daripada **Yang Berhormat Rompin, Yang Berhormat Batang Sadong, Yang Berhormat Jelebu, Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Ayer Hitam, Yang Berhormat Parit Sulong dan Yang Berhormat Pengerang** yang menyentuh tentang pelaksanaan projek-projek kecil untuk rakyat. Saya ingin menegaskan sekali lagi, walaupun kedudukan fiskal negara amat mencabar namun sebagai Kerajaan yang peduli rakyat, Kementerian memberi jaminan bahawa projek-projek yang bersifat people-centric, infrastruktur untuk rakyat dan pembangunan sosio ekonomi akan diteruskan.

82. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bagi tahun 2018, sebanyak 4,946 projek telah diluluskan dengan peruntukan RM46 bilion di bawah Peruntukan Pembangunan (DE). Hanya 1 projek sahaja tidak diteruskan (peruntukan RM5 juta)

manakala 278 projek ditangguhkan (peruntukan RM1.767 bilion) Namun begitu, projek-projek seperti masjid, surau, jalan kampung, dewan komuniti akan tetap diteruskan.

83. Sehubungan itu juga, suka saya umumkan beberapa kelulusan projek-projek kecil termasuk yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat iaitu pembinaan masjid di Kampung Perepat, Kuala Rompin dengan kos RM1.75 juta, pembinaan Dewan Serbaguna di Tambun Tulang Arau berjumlah RM5 juta, pembinaan masjid di masjid Taman Bayu Damai, Pengerang berjumlah RM5 juta serta mempertimbangkan kelulusan dua masjid di Parlimen Parit Sulong.

84. **Yang Berhormat Ayer Hitam** membangkitkan, peruntukan **pembangunan Kampung Baru dan pembinaan dua buah masjid di Kampung Parit Awang dan juga Kampung Parit Haji Ali.**

85. Untuk tahun 2018, sejumlah RM70 juta untuk pembangunan sosioekonomi Kampung Baru di seluruh negara

telah diperuntukkan. Kementerian saya juga telah menyemak semula keputusan menangguhkan pembinaan masjid-masjid termasuk di kawasan Ahli Yang Berhormat Ayer Hitam dengan mengambil kira keperluan umat Islam setempat. Untuk itu, saya mendapati pembinaan dua masjid ini wajar diteruskan pembinaannya dan diluluskan untuk pelaksanaan.

86. Untuk makluman **Yang Berhormat Kalabakan**, bagi Projek Sambungan Talian Kedua Kabel Dasar Laut ke Pulau Sebatik telah mula dilaksanakan pada 2 Mei 2017 dengan kos sebanyak RM149.99 juta dan dijangka selesai pada November 2018. Sehingga kini, kemajuan pelaksanaan projek adalah 95 peratus dan kerja-kerja yang melibatkan pemasangan kabel telah pun selesai. Baki lima peratus lagi adalah bagi melaksanakan kerja-kerja menaik taraf stesen pencawang.

87. Selain itu, Kerajaan akan mengkaji projek-projek yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat Kalabakan dengan mengambil kira keperluan sebenar masyarakat setempat dan kedudukan kewangan Kerajaan pada masa akan datang

memandangkan kesemua projek yang dicadangkan tersebut tiada di dalam senarai kementerian buat masa ini.

ISU BERKAITAN FELDA

Tuan Yang di-Pertua

88. Seterusnya izinkan saya menyentuh isu FELDA yang dibangkitkan oleh **Yang Berhormat Jelebu** dan **Yang Berhormat Tanah Merah** yang meminta pihak Kerajaan memberikan perhatian khusus membela golongan peneroka untuk meneruskan kehidupan semasa menghadapi masalah pendapatan yang kurang akibat kejatuhan harga komoditi sawit.

89. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya ingin memberi jaminan bahawa masalah peneroka FELDA akan ditangani dengan penuh tanggungjawab oleh Kerajaan Pakatan Harapan memandangkan peneroka FELDA telah membanting

tulang dan memerah keringat untuk menyumbang kepada eksport negara. Masalah peneroka FELDA ini telah diwarisi dari Kerajaan dahulu lagi.

90. Namun, pada masa yang sama, seperti yang telah saya tegaskan dalam Dewan yang mulia ini, isu-isu yang dibebankan kepada peneroka FELDA perlu diteliti secara menyeluruh untuk mencari penyelesaian yang terbaik. Kerajaan pada hari ini mendapati FELDA sedang menghadapi masalah aliran tunai yang amat kritikal.

91. Pelan pemulihan kedudukan aliran tunai FELDA merupakan salah satu pelan jangka panjang yang sedang diberikan tumpuan oleh Lembaga Pengarah dan Pengurusan FELDA yang baharu dilantik pada Julai 2018 dan perkara ini telahpun dimulakan dengan mengadakan perjumpaan bersama beberapa institusi kewangan untuk menstrukturkan semula pinjaman FELDA.

92. Selain itu, FELDA juga sedang dalam rangka untuk melihat keperluan menjual aset-aset yang bukan strategik. Kaedah ini dapat menampung sebahagian daripada komitmen FELDA kepada 112,635 peneroka.

93. Dalam dewan yang mulia ini, Kerajaan ingin memberikan komitmen untuk memulihkan FELDA secepat mungkin demi kesejahteraan peneroka-peneroka FELDA selaras dengan matlamat penubuhan FELDA di bawah Akta Kemajuan Tanah 1956. Isu dan langkah dalam pemulihan pengurusan kewangan dan tadbir urus FELDA akan dibentangkan secara terperinci dalam Kertas Putih FELDA yang pada peringkat akhir dan akan dibentangkan dalam sidang Parlimen kali ini. Dengan langkah ini, Kerajaan percaya kedudukan sebenar agensi ini dan langkah pemulihannya akan dapat dikenal pasti dan dapat diambil perhatian oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Seterusnya ini akan membantu Kerajaan yang sedang merangka pelan tindakan pemulihan menyeluruh yang bersesuaian dan

memberi manfaat langsung kepada FELDA dan warga peneroka FELDA.

94. Berkaitan pendapatan peneroka yang rendah akibat kejatuhan harga sawit, untuk makluman Yang Berhormat, Dasar Pendapatan Minima Peneroka FELDA telah diperkenalkan sejak Mei 1988 iaitu sebanyak RM350 pada ketika itu dan dinaikkan kepada RM600 pada tahun 2000 seterusnya kepada RM1,000 pada tahun 2009.

95. Di bawah dasar ini, peneroka tidak dikenakan apa-apa potongan yang berkaitan dengan kos pembangunan kebun sekiranya pendapatan pada sesuatu bulan tidak mencapai paras pendapatan minimum tersebut setelah ditolak kos operasi kebun. Kerajaan akan meneruskan dasar ini dimana peneroka yang berpendapatan kurang dari RM1,000 ketika harga komoditi rendah tidak perlu membuat potongan kos pembangunan kebun.

96. *Kos operasi kebun meliputi urusan pengangkutan hasil Buah Tandan Segar (BTS), kos baja (bahan dan upah), serta jalan pertanian. Sekiranya pendapatan masih berbaki setelah ditolak kos operasi kebun, ianya akan digunakan untuk membayar hutang persendirian yang terdiri daripada hutang kedai, hutang sosio ekonomi (Pinjaman Pembesaran Rumah Peneroka (PPP), saham FGV, caruman hari raya dan caruman tanam semula)*

97. **Yang Berhormat Jerantut** membangkitkan dakwaan penyata hutang penerokaada dua iaitu satu daripada FELDA dan satu lagi daripada Felda Technoplant Sdn. Bhd (FTP), hutang keseluruhan FELDA dan mengapa terpaksa menjual harta-harta Negara.

98. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hutang peneroka dikategorikan kepada tiga iaitu Hutang Pembangunan Kebun (Pembangunan Asal dan Pembangunan Tanam Semula), Hutang Sosio Ekonomi (Pinjaman Pembesaran Rumah, Saham

FGV, Skim Insentif Usahawan FELDA, Pinjaman Pelajaran Tinggi IPT dan Pinjaman Komputer) dan Hutang Baja.

99. Semua hutang peneroka yang berkaitan bagi ketiga-tiga kategori ini dirumuskan dalam satu rumusan penyata hutang yang dikenali sebagai E-Penyata. Peneroka sama ada kebunnya diurus FELDA atau agennya iaitu FTP akan menerima E-Penyata hutang ini setiap suku tahun yang telah diedarkan semenjak Disember 2016.

100. FTP merupakan anak syarikat milik penuh FELDA dan menjadi agen dalam mengurus tanam semula kebun-kebun peneroka FELDA. Penyata hutang yang dikeluarkan oleh FTP akan disemak oleh FELDA dan diedarkan oleh FELDA melalui edaran E-Penyata.

101. Bagi peneroka yang kebunnya diurus oleh FTP, penyata interim dikeluarkan setiap 3 bulan oleh FTP selama 8 tahun iaitu mulai tanam semula kebun sehingga mencapai titik pulang

modal. Seterusnya, proses mengunci dan memuktamadkan hutang akan dilakukan.

102. Hutang pengurusan kebun yang telah dikunci dan dimuktamadkan akan dipaparkan di dalam E-Penyata hutang peneroka yang menunjukkan amaun pinjaman sebenar, kutipan yang telah dibuat dan baki pinjaman.

103. Hutang keseluruhan FELDA bersama institusi-institusi luar adalah berjumlah RM8 billion.

104. Bagi isu penjualan aset, sebagaimana dimaklumkan terdahulu, ia melibatkan harta bukan strategik. Pulangan daripada penjualan berkenaan akan dipastikan mendapat nilai yang terbaik dan boleh dimanfaatkan bagi tujuan operasi, seterusnya kepada kesejahteraan peneroka.

105. **Yang Berhormat Setiu** telah mencadangkan supaya menerokai projek-projek baharu dan memberi modal kepada peneroka membesarkan projek-projek seperti integrasi lembu

dalam ladang sawit dan membina kolam ikan bagi menambah pendapatan golongan peneroka ketika harga sawit tidak seimbang.

106. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peranan FELDA dalam pembangunan usahawan di kalangan peneroka adalah dengan menawarkan khidmat nasihat dan bimbingan keusahawanan. Manakala, bagi usahawan yang ingin mendapatkan dana pinjaman, FELDA membantu dalam memberi pandangan dan nasihat untuk mendapatkan dana melalui agensi-agensi berkaitan.

107. FELDA turut melaksanakan program latihan keusahawanan bagi meningkatkan aspek pengurusan perniagaan, kemahiran, pengetahuan dan galakan penyertaan dalam bidang keusahawanan.

108. Sehingga September 2018, seramai 15,665 usahawan yang aktif dan giat menjalankan aktiviti keusahawanan di rancangan FELDA. Daripada jumlah tersebut, seramai 2,256

usahawan (14.4%) terlibat dalam ternakan lembu. Manakala seramai 251 usahawan (1.60%) dalam kategori akuakultur. Di samping itu, terdapat bidang keusahawanan lain yang diceburi iaitu perkhidmatan, perniagaan, perusahaan makanan, kraf dan tanaman.

PENUTUP

109. Tuan Yang Dipertua, saya ingin menekankan sekali lagi peri pentingnya dokumen ini yang melangkaui dimensi ekonomi dan merangkul dimensi manusiawi seperti peningkatan kualiti hidup, mengurangkan jurang kekayaan diantara kumpulan isi rumah dan memupuk perpaduan dan keharmonian bangsa Malaysia.

110. Rakyat telah memberi mandat baru dan meletakkan keyakinan untuk mentadbir Negara dan kerajaan dengan kebertanggungjawaban, ketelusan dan integriti, demokratik, amanah, bersatu dengan keadilan. Inilah harapan rakyat.

111. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu berkenaan perkara-perkara di bawah tanggungjawab saya, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Ucapan penghargaan juga saya ingin rakamkan kepada semua kementerian yang telah menggulung perbincangan Saya ingin menghargai kesungguhan dan kesabaran Tuan Yang Di-Pertua yang tekun mendengar perbincangan dan mengendalikan perjalanan Dewan dengan adil dan saksama sepanjang pembentangan Usul Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Ke-11.

Sekian, terima kasih.
1 November 2018